

PERKASA PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL

BH 19/1/17
V1-V2

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti awam (UA) beriltizam mempergiat usaha memperkasakan penyelidikan translasional pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa bertepatan Amanat 2017 Menteri Pendidikan Tinggi.

Datuk Seri Idris Jusoh ketika menyampaikan amanat itu, minggu lalu, mengumumkan 2017 sebagai tahun penyelidikan translasional bagi memastikan penyelidikan mampu diterjemahkan sebagai penyelesaian kepada isu nasional dan global.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Ahmad Fauzi

Ismail, berkata universiti itu menerokai penyelidikan translasional sejak 2015 supaya hasilnya kelak mampu diterjemahkan sebagai suatu penyelesaian atau produk memberi manfaat kepada masyarakat.

"Sebelum ini, UTM menumpukan penyelidikan asas dan guna bagi mencari penyelesaian kepada industri serta membekalkan tenaga kerja mahir. Bagaimanapun, universiti kini beralih kepada penyelidikan translasional yang bakal memberi manfaat kepada masyarakat.

"Antara penyelidikan translasional berjaya dilaksana UTM ialah menghasilkan Mesin Sistem Teknologi Membran Osmosis Balik yang ditempatkan di kawasan berisiko banjir di Kuala Krai, Tanah Merah dan Kota Bharu," katanya ketika dihubungi.

V2

➔ UA beriltizam pergiat usaha pada peringkat kebangsaan, antarabangsa

Hasil penyelidikan dimanfaatkan manusia secepat

← Dari V1

Mesin Sistem Teknologi Membran Osmosis Balik direka khas bagi memproses air untuk menghasilkan air tulen bersih mengikut piawaian kualiti ditetapkan dan selamat diguna penduduk ketika berlaku bencana alam.

Mesin itu turut dilengkapi dua sumber bahan tenaga, iaitu tenaga elektrik dan generator, serta dapat menghasilkan air terawat menerusi proses membran ultrafiltrasi bagi kegunaan harian dan proses osmosis balikan untuk menghasilkan air minuman bersih.

Bagi menjayakan hasrat kementerian, Prof Ahmad Fauzi berkata, universiti dan negara memerlukan penyelidikan bijak berfikiran kreatif untuk menemukan idea penyelesaian atau produk yang boleh membantu masyarakat, bukan hanya menghasilkan kajian syok sendiri mahupun dimuatkan di dalam jurnal semata-mata.

"Selain itu, peruntukan dana mencukupi pasti akan membantu usaha universiti

melaksanakan penyelidikan translasional berjalan lebih lancar," katanya.

Dapat manfaat

Sementara itu Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata projek penyelidikan terbaharu universiti itu berjaya menghasilkan padi yang tahan lasak dengan pengeluaran lebih tinggi.

Beliau berkata, beberapa komuniti sudah mendapat manfaat daripada penyelidikan fundamental itu, malah negara bakal meraih pendapatan bukan saja hasil pengeluaran yang meningkat tetapi juga penjualan harta intelek berkenaan.

"Selain itu, kumpulan penyelidik UPM berjaya membangunkan beberapa jenis rumah pada kos rendah dan cepat hasil kajian yang menumpukan penggunaan jenis bahan serta teknologi lebih mudah.

"Rumah ini dibangunkan di perkampungan Orang Asli di Perak serta Pahang dan akan diperluaskan ke



Prof Ahmad Fauzi



Prof Aini

beberapa kawasan dikenal pasti kelak," katanya.

Gembleng tenaga

Prof Aini berkata, penyelidik UPM diberi kesedaran mengenai kepentingan konsep penemuan saintifik tidak berhenti dalam penulisan makalah dan buku sahaja, sebaliknya mereka digalakkan meneruskan penyelidikan sehingga penemuan dapat dimanfaatkan manusia secepat.

"UPM menyediakan khidmat bimbingan bagi mendekati komuniti dan industri berkaitan supaya penyelidikan dijalankan mengambil kira keperluan mereka dengan membabitkan pihak berkepentingan dari awal.

"Cara kerja juga akan ditambah baik supaya UPM semakin kompetitif, mesra dan efisien apabila berurusan dengan kerajaan, industri serta komuniti agar mereka bersama akademik universiti menjayakan penyelidikan translasional ini.

"Penggembengan tenaga antara akademik, industri, kerajaan dan komu-

niti perlu dilaksanakan dari awal supaya pelaburan dapat menghasilkan penyelidikan optimum.

Hadapi kekangan

"Cabaran di sini ialah meyakinkan empat pihak terbabit untuk bersama dalam penyelidikan translasional dari mula sehingga rakyat mendapat manfaat daripada hasil usaha itu," katanya.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaya (UM), Prof Dr Noorsaadah Abd Rahman, pula berkata antara kekangan dihadapi untuk menjayakan penyelidikan translasional ialah kapasiti.

"Kita memerlukan lebih ramai penyelidik bagi menjayakan banyak program dirancang dan pada masa sama, membabitkan industri serta komuniti dalam rangka penyelidikan yang memerlukan masa dan komitmen tinggi.

"Peruntukan penyelidikan juga diperlukan untuk menjayakan program penyelidikan yang sudah dirancang," katanya.

Eksekutif Pentadbiran:
Norhayati Yahya

Penyunting Eksekutif:
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

Wartawan:
Nor Azma Laila
Basir Zahrom
Faizatul Farhana Farush Khan
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Eksekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)
Mohd Kahlil Nizam Roslan

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2724 8999
Samb: 7752/7713

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan